



**PEKELILING AKADEMIK BIL. 8/2022**

Semua Pelajar Program Prasiswazah

Saudara/i,

**PENDAFTARAN KURSUS SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2021/2022**

Saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sehubungan itu, sukacita sekiranya pelajar program Prasiswazah Sesi Akademik 2021/2022 membaca dengan teliti pekeliling ini dan mengambil tindakan seperti berikut:

- 2.1. Pendaftaran Kursus Semester 2 Sesi Akademik 2021/2022 akan dijalankan secara dalam talian melalui laman web <http://smplucee.ukm.my/smpweb>.
- 2.2. Pelajar adalah dinasihatkan supaya tidak mendedahkan Nombor Pin Pelajar (NPP) masing-masing untuk mengelakkan timbulnya masalah di kemudian hari.
- 2.3. Maklumat dan kemudahan untuk mendaftar kursus adalah seperti berikut:

Tarikh	Tahun	Aktiviti	Tempat
28.3.2022 – 10.4.2022	Terbuka	Tambah/ Gugur Kursus	Secara dalam talian <a href="http://smplucee.ukm.my/smpweb">http://smplucee.ukm.my/smpweb</a>
11.4.2022 – 24.4.2022	Terbuka	Gugur Kursus Sahaja	Secara dalam talian <a href="http://smplucee.ukm.my/smpweb">http://smplucee.ukm.my/smpweb</a>
25.4.2022 – 1.5.2022	Terbuka	Pengesahan Pendaftaran Kursus	Secara dalam talian <a href="http://smplucee.ukm.my/smpweb">http://smplucee.ukm.my/smpweb</a>
25.4.2022 – 22.5.2022	Terbuka	Tarik Diri Kursus Sahaja	Secara dalam talian <a href="http://smplucee.ukm.my/smpweb">http://smplucee.ukm.my/smpweb</a>



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8911 8451/8457/8450/8461 Emel: [akad@ukm.edu.my](mailto:akad@ukm.edu.my)

Web: [www.ukm.my/akademik](http://www.ukm.my/akademik)

- 2.4. Pelajar lama yang tidak membuat pendaftaran awal, bayaran denda RM50.00 akan direkodkan oleh Unit Kewangan Pelajar secara automatik.
- 2.5. Pelajar yang menggantung pendaftaran pada semester sebelumnya dan mendaftar selepas 28 Mac 2022, bayaran denda sebanyak RM50.00 juga akan direkodkan oleh Unit Kewangan Pelajar secara automatik.
- 2.6. Pelajar dikehendaki mendaftar tidak kurang daripada dua belas (12) kredit dan tidak lebih daripada dua puluh (20) kredit pada tiap-tiap semester. Pendaftaran kurang daripada dua belas (12) kredit atau lebih daripada dua puluh (20) kredit hanya dibenarkan dengan kelulusan khas daripada Dekan. Sila pastikan fakulti telah mengemaskini dalam Sistem Maklumat Pelajar sebelum pelajar membuat penambahan kursus melalui SMPweb.
- 2.7. Pelajar diwajibkan membuat pengesahan pendaftaran kursus pada minggu kelima semester iaitu bermula 25 April – 1 Mei 2022 dan sebarang perubahan kursus selepas tempoh tersebut tidak akan diterima.
- 2.8. Pelajar adalah bertanggungjawab untuk:
  1. Mendaftar, menyemak dan mengesahkan semua kursus yang telah didaftarkan.
  2. Memastikan maklumat peribadi di dalam SMPweb adalah terkini pada setiap semester seperti ejaan nama, alamat surat-menyurat, alamat emel dan no. kad pengenalan.
  3. Sentiasa prihatin mengenai notis dan pekeliling terbaharu yang dipaparkan oleh Pusat Pengurusan Akademik di dalam SMPweb.
  4. Membuat semakan Laporan Akademik bagi memastikan keperluan pengijazahan dipenuhi dengan teratur.

Sebarang masalah dan pertanyaan mengenai perkara di atas, sila emelkan kepada [smpweb@ukm.edu.my](mailto:smpweb@ukm.edu.my) / [m.redzuan@ukm.edu.my](mailto:m.redzuan@ukm.edu.my) / [akad@ukm.edu.my](mailto:akad@ukm.edu.my)

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**MUHAMAD WALID OSMAN**  
Timbalan Pendaftar  
Pusat Pengurusan Akademik



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8911 8451/8457/8450/8461 Emel: [akad@ukm.edu.my](mailto:akad@ukm.edu.my)

Web: [www.ukm.my/akademik](http://www.ukm.my/akademik)

- s.k.
- Timbalan Naib Canselor  
(Akademik dan Antarabangsa)
  - Dekan, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina
  - Dekan, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
  - Dekan, Fakulti Pendidikan
  - Dekan, Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
  - Dekan, Fakulti Sains dan Teknologi
  - Dekan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
  - Dekan, Fakulti Pengajian Islam
  - Dekan, Fakulti Undang-Undang
  - Dekan, Fakulti Sains Kesihatan
  - Dekan, Fakulti Farmasi
  - Dekan, Fakulti Perubatan
  - Dekan, Fakulti Pergigian
  - Dekan, Pusat Pengajian Citra Universiti
  - Pengarah, Pusat Teknologi Maklumat
  - Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)
  - Pengarah, Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional (UKMShape)
  - Ketua Unit Kewangan Pelajar, Jabatan Bendahari
  - Ketua Pustakawan
  - Ketua Penolong Pendaftar/Penolong Pendaftar Kanan/Penolong Pendaftar  
Fakulti/Pusat
  - Yang Dipertua  
Kesatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (KMUKM)



**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)**  
 Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
 Tel.: +603-8911 8451/8457/8450/8461 Emel: akad@ukm.edu.my  
 Web: www.ukm.my/akademik